

## TULISAN JAWI PELOPOR KEILMUAN DI ALAM MELAYU: SATU KAJIAN AWAL

*Jawi Script Precursor of Knowledge in the Malay World: An Early Study*

<sup>1</sup>SITI NURUL IZZA BINTI HASHIM

<sup>2</sup>ROZIAH BINTI SIDIK @ MAT SIDEK

<sup>3</sup>IZZIAH SURYANI MAT RESAD @ ARSHAD

<sup>1,2,3</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia.

<sup>1</sup>izza0907@uitm.edu.my; <sup>2</sup>roziah@ukm.edu.my; <sup>3</sup>izziah@ukm.edu.my

Tarikh dihantar: 25 Ogos 2021 / Tarikh diterima: 15 November 2021

**Abstrak** Keilmuan di alam Melayu mula berkembang pesat setelah kedatangan Islam dan melalui beberapa proses perkembangan sejarah. Sejarah tamadun Melayu telah membuktikan bahawa tulisan Jawi berjaya membangunkan keilmuan Melayu sehingga meniti arus kecemerlangan melalui didikan para ulama. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan tulisan Jawi sebagai indikator dalam pencapaian tamadun Melayu. Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis terhadap sumber primer dan sekunder. Kajian sejarah dan kajian dokumen turut dilakukan bagi memastikan kesahihan setiap maklumat yang dikemukakan dan menilai fakta yang ada. Hasil kajian mendapati tulisan Jawi telah memperkuuhkan budaya ilmu di alam Melayu dan menjadi bukti kearifan tempatan dalam pelbagai bidang. Selain itu, tulisan Jawi turut menjadi asas kepada pembentukan jati diri dan wadah intelektual versi alam Melayu. Implikasi kajian ini ialah tulisan Jawi merupakan satu sumbangan masyarakat Melayu tradisi yang berupaya menghasilkan pemikiran yang dapat digunakan sehingga kini dalam pelbagai keilmuan secara relatifnya komprehensif dan tidak terhad pada hubungan keagamaan sahaja.

**Kata kunci:** Tulisan Jawi, keilmuan, alam Melayu, indikator, kearifan tempatan.

**Abstract** Since the emergence of Islam in the Malay world, academic studies have been developed expeditiously through the historical development process. The history of Malay civilization proves that the Jawi script has

*succeeded in developing Malay knowledge as it thrives excellently through education from scholars. The purpose of this research is to study the development of the Jawi script as an indicator of the achievement of the Malay civilization. A qualitative approach through analysis on primary and secondary sources has been used throughout this research. Research on the history and documents have also been done to ensure the confirmation of each information that is submitted as well as to evaluate the facts. Results from the studies show that the Jawi script has strengthened the tradition of knowledge in the Malay world and become the proof of wisdom in many fields. Besides, Jawi script has also been fundamental to the formation of identity and intellectual. The implication of this study is Jawi script is a contribution to the tradition of Malay civilization which is capable of constructing the thoughts that can be used up till now in many knowledge areas relatively comprehensive and not limited to only religious relations.*

**Keywords:** Jawi script, knowledge, Malay world, indicator, local wisdom.

## PENGENALAN

Keilmuan di alam Melayu mula berkembang pesat setelah kedatangan Islam dan melalui beberapa proses perkembangan sejarah. Sejarah tamadun Melayu telah membuktikan bahawa tulisan Jawi meniti arus kecemerlangan melalui didikan ahli agamawan. Bahkan, tulisan ini telah ditulis pada surat pengisytiharan kemerdekaan negara sebagai simbol perpaduan masyarakat dan identiti negara.

Peranan tulisan Jawi sebagai sumber dalam menyampaikan ilmu amat penting, khususnya ilmu agama ke seluruh pelosok dunia Melayu. Buku-buku agama dalam pelbagai bidang seperti hikayat, sejarah, falsafah, syair dan hadis menggunakan tulisan Jawi sehingga dijadikan rujukan dan bahan bacaan oleh mesyarakat tempatan. Selain itu, para ulama dari dunia Melayu seperti Aceh, Palembang, Patani, Riau, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang telah menulis kitab dalam pelbagai bidang keilmuan. Contohnya, Kitab *Taj al-Salatin* oleh Bukhari al-Jauhari dan Kitab *Bustan al-Salatin* karya Nuruddin al-Raniri (Shakila Ahmad *et al.*, 2018).

Selain itu, tulisan Jawi tersemai dalam jiwa orang Melayu sehingga ditonjolkan melalui sistem pendidikan dan pentadbiran di alam Melayu. Bahkan, tulisan Jawi turut dipamerkan melalui kebudayaan dan kesenian Melayu. Tulisan Jawi turut terukir sebagai perhiasan di rumah dan sekolah. Di samping itu, tulisan Jawi digunakan dalam penulisan hukum kanun, al-Quran, surat-surat, batu-batu nisan, tembaga, duit-duit syiling dan barang perhiasan.

Kedudukan tulisan Jawi dengan bahasa dan bangsa Melayu mempunyai perkaitan yang amat rapat, malah perkembangan tulisan Jawi tidak dapat dipisahkan dengan pencapaian tamadun Melayu. Tulisan Jawi menjadi khazanah yang amat bernilai dan wajib dipelihara oleh setiap individu agar warisan kegemilangan bahasa dan bangsa Melayu terus diingati oleh generasi kini. Namun begitu, tulisan Jawi sebagai lambang jati diri masyarakat Melayu suatu ketika dahulu dilihat kian terpinggir pada masa kini. Menurut Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020), melalui kajian bertajuk *Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan* jelas menunjukkan bahawa isu peminggiran tulisan Jawi semakin serius. Bahkan, tahap penguasaan Jawi dalam kalangan generasi muda pada masa kini berada pada tahap yang rendah.

Bukan itu sahaja, penguasaan tulisan Jawi bagi segerintir masyarakat Melayu pada masa kini dilihat tidak relevan dengan arus kemodenan sehingga hangat diperkatakan di media sosial. Sikap tidak peduli dan meremehkan seni warisan ini bakal melenyapkan khazanah Melayu yang sepatutnya dipelihara dan dibanggakan (Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan Surat, 2020). Oleh hal yang demikian, penelitian dilakukan bagi membuktikan kecemerlangan tulisan Jawi masih relevan dalam kegiatan ilmuan pada masa kini. Bahkan, tulisan Jawi juga merupakan satu aspek yang penting dalam mengekalkan imej dan jati diri budaya Melayu masa kini. Tulisan Jawi digunakan dalam segala urusan dan pernah menjadi tulisan antarabangsa serta diiktiraf sebagai bahasa perhubungan utama pada zaman Kesultanan Islam di Nusantara.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bagi mengumpul maklumat, data bahan-bahan rujukan dari sumber yang tepat. Kajian ini turut menggunakan metode analisis dokumen dan analisis kandungan, iaitu dengan menganalisis fakta-fakta yang diperoleh daripada kajian lepas. Analisis dokumen merujuk kepada pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak atau disiarkan (Sabitha, 2005). Penelitian terhadap buku, tesis, disertasi, jurnal, kajian-kajian ilmiah dan manuskrip yang berkaitan digunakan bagi mengumpulkan data.

Analisis kandungan pula merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2020). Pendekatan deduktif dan induktif digunakan dalam analisis kandungan. Kaedah induktif ialah proses menghuraikan, menganalisis dan membuat kesimpulan data bagi mencari kesahihan fakta, data dan maklumat yang bersifat khusus kepada umum. Kaedah deduktif diaplikasikan untuk membuat kesimpulan dengan menganalisis data kepada pola berfikir daripada kenyataan umum kepada khusus. Kaedah ini bermula dengan sebuah kerangka teori yang umum dan membuat pengujian ke atas pemerhatian spesifik. Pengkaji turut menggunakan metode kajian sejarah dalam menganalisis sumber rujukan, khususnya sumber primer yang berkaitan dengan perkembangan dan peranan tulisan Jawi sebagai pencetus revolusi keintelektualan di alam Melayu. Metode kajian ini dilaksanakan melalui dua kaedah, iaitu *external criticism* dan *internal criticism* bagi meneliti data dalam sumber primer dan mencari kebenaran data dalam sumber sekunder bagi memperkuatkan kajian ini.

## TINJAUAN LITERATUR

Sejarah membuktikan bahawa kedatangan Islam ke alam Melayu memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan tulisan Jawi. Tulisan Jawi berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu dan warisan intelektual di alam Melayu melalui penulisan khususnya manuskrip Melayu. Ding Choo

Ming (2008), menyatakan manuskrip Melayu merupakan bukti kearifan tempatan bagi masyarakat Melayu yang terkandung pelbagai keilmuan dan sejarah tentang alam ini, meliputi aspek perundangan, ketatanegaraan, hiburan, pemikiran falsafah dan agama. Walau bagaimanapun, penyelidikan dan penterjemahan manuskrip Melayu dalam tulisan Jawi masih banyak yang belum terusik dan tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Di samping itu, menurut Mahayudin Haji Yahaya (2000), dalam tulisannya yang bertajuk *Karya Klasik Melayu Islam* membincangkan tentang tradisi penulisan manuskrip dalam tulisan Jawi berkembang pada abad ke-15M dan mencapai tahap kegemilangannya pada abad ke-17M di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Islam yang berpusat di Aceh. Beliau turut menegaskan bahawa sumbangan dan usaha cendekiawan Melayu terdahulu melalui penulisan manuskrip tidak boleh dipandang sambil lewa dan mudah. Hal ini demikian kerana, pada abad ke-16M pengkajian tentang manuskrip Melayu didominasi oleh cendekiawan Barat terutamanya Belanda. Natijahnya, kuantiti manuskrip yang terdapat di luar negara adalah lebih banyak daripada alam Melayu.

Hashim Hj. Musa (2005), dalam artikelnya, iaitu ‘*Peranan Tulisan Jawi dalam Perkembangan Islam di Malaysia*’ hanya menyentuh sedikit tentang manuskrip Melayu. Di samping itu, perbincangan hanya tertumpu terhadap sejarah perkembangan tulisan Jawi, faktor kemerosotan dan langkah untuk memartabatkan tulisan tersebut. Penulis-penulis lain seperti Ding Choo Ming, Wan Ali Wan Mamat, Mahayudin Haji Yahya, Abu Hassan Sham dan Siti Fathimah Abdul Halim turut menulis tentang aspek yang sama. Perbahasan yang sering dibincangkan adalah topik berkaitan pengenalan tentang manuskrip secara asasnya, sejarah penulisan, peralatan, kaedah dan usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya. Pelbagai saluran dan platform digunakan dalam usaha menarik minat masyarakat untuk mengenali dan mengkaji manuskrip Melayu seperti bengkel, seminar, tesis, jurnal, buku dan katalog. Namun begitu, kesedaran kepentingan Jawi dalam generasi muda pada hari ini masih membimbangkan.

Selain itu, penelitian turut dilakukan terhadap artikel yang bertajuk ‘*Perkembangan Tulisan Jawi dan Aplikasinya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*’ tulisan Mohd. Alwee bin Yusoff (2005). Kajian beliau memberi tumpuan kepada perbandingan antara tulisan Jawi dan tulisan Rumi, peranan dan kaedah tulisan Jawi sebagai skrip Melayu sejak dahulu sampai hari ini. Kajian yang dilakukan oleh Sidik Fadhil (1995), dalam kajian bertajuk *Tulisan Jawi: Pelestarian dan Pendaulatannya di Alam Melayu* menjelaskan bahawa pada tahun 1950, tulisan Jawi dilihat kian terpinggir apabila hanya 35 peratus buku-buku dalam tulisan Jawi digunakan di sekolah-sekolah, manakala 65 peratus lagi dalam tulisan rumi. Hal ini menjadi lebih serius pada tahun 1952 apabila Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu pertama di Singapura mencadangkan usul agar tulisan rumi menjadi tulisan rasmi. Walau bagaimanapun, usul tersebut tidak berhasil tetapi keputusan Parlimen pada 14 Disember 1959 telah membawa hasil apabila tulisan rumi rasmi menjadi tulisan bahasa kebangsaan. Kemudian, Akta Bahasa 1963 diluluskan, tulisan rumi digunakan secara meluas dalam kehidupan masyarakat Melayu. Impaknya, tulisan Jawi terus terpinggir sebagai khazanah yang bernilai. Bahkan, penggunaannya semakin terbatas dalam kalangan masyarakat tempatan. Secara tidak langsung, senario ini menyumbang kepada kemerosotan tulisan Jawi pada masa kini.

Asyraf Ridwan Ali dan Berhanundin Abdullah (2015), dalam tulisannya *Falsafah Pendidikan Jawi dalam Memperkasakan Tamadun Islam di Malaysia* membahaskan tentang sumbangan dan peranan tulisan Jawi dalam membentuk jati diri masyarakat serta kegemilangan sistem pendidikan negara. Sementara itu, Siti Zahidah Kosran, Latifah Abdul Majid dan Ahamad Asmadi Sakat (2017), dalam karyanya turut membincangkan peranan dan perkembangan tulisan Jawi, tetapi lebih memberi tumpuan kepada bidang hadis.

Kajian lanjut dilakukan oleh Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020), melalui kajian bertajuk *Peminggiran Tulisan Jawi sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan* membahaskan tentang tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan belia di institusi pengajian tinggi (IPT) dan di sekolah amat membimbangkan. Pelbagai cadangan dan langkah telah dikemukakan bagi memelihara tulisan Jawi. Kajian yang

sama turut dilakukan oleh Mohd Eezan Hamdzah dan Shahlan Surat (2020), bertajuk *Pemupukan Minat terhadap Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah* membincangkan cabaran yang dihadapi dalam usaha pemeliharaan tulisan Jawi dan langkah yang perlu dilaksanakan dalam mengembalikan kegemilangan warisan kearifan bangsa Melayu suatu ketika dahulu.

Oleh hal yang demikian, tulisan Jawi perlu dipelihara demi kelangsungan sebuah warisan dan khazanah intelektual bangsa, agama dan negara untuk generasi kini dan akan datang. Sekiranya khazanah ini tidak dipelihara dan dipulihara, tulisan Jawi akan lenyap ditelan zaman dan hanya kekal sebagai warisan sejarah yang disimpan khazanahnya tetapi tidak dipaparkan.

#### PERKEMBANGAN TULISAN JAWI DI ALAM MELAYU

Tulisan Jawi telah lama wujud dan tersebar luas sejak sekian lama di alam Melayu (Mansor Sulaiman, 2012). Perkembangan tulisan Jawi lebih meluas pada pertengahan abad ke-15M dan abad ke-16M. Pada ketika itu, alam Melayu terkenal sebagai pusat perkembangan Islam dan perdagangan yang maju sehingga menarik minat kuasa-kuasa Barat seperti Portugis, Belanda dan Sepanyol untuk datang ke alam Melayu. Jika diteliti, penaklukan dan penjajahan Barat tidak menggugat tulisan Jawi dan kekal utuh untuk beberapa kurun selepas itu.

Para pedagang, agamawan dan sesiapa sahaja yang datang ke Melaka dari seluruh pelosok dunia pada waktu itu tertakluk dengan undang-undang Melaka berteraskan Islam dalam tulisan Jawi. Selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, pusat perdagangan antarabangsa di Kepulauan Melayu berpindah ke Aceh dan kemudiannya ke Kedah sekitar abad ke-17M hingga ke-18M. Secara tidak langsung, penggunaan tulisan Jawi semakin meluas di alam Melayu. Natijahnya, semua dokumen rasmi kerajaan ditulis dalam tulisan Jawi, meliputi kitab keagamaan, kitab perundangan, dokumen perjanjian dan surat-menyurat sehingga pertengahan abad ke-20 (Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz, 2012).

Bahkan, kegiatan intelektual dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu agama, perubatan, astronomi, matematik, sains dan teknologi, bahasa, sastera, sejarah dan sebagainya turut ditulis dalam tulisan Jawi (Adi Yasran Abdul Aziz *et al.*, 2016). Hal ini dapat dibuktikan melalui buku-buku agama yang tersebar luas dan dijadikan rujukan di alam Melayu. Contohnya, Kitab *Munyat al-Mushalli* karya Syeikh Daud al-Fatani, *Hidayat al-Salikin* karya Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan *Sabil al-Muhtadin* karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari.

Sehubungan dengan itu, dianggarkan tidak kurang daripada 10,000 naskhah manuskrip dalam tulisan Jawi telah dihasilkan. Hal ini membuktikan bahawa kepentingan tulisan Jawi sukar untuk dinafikan kerana penyelidikan tentang kesusasteraan, kebudayaan dan perkembangan Islam di alam Melayu memerlukan pengetahuan tentang tulisan Jawi. Contohnya, Batu Bersurat Terengganu (1303M) bertulisan Jawi menjadi bukti kewujudan nombor Melayu dan ilmu mantik (Abdul Razak, 2010). Justeru, tulisan Jawi perlu dipelihara supaya generasi kini dapat membongkar khazanah pelbagai keilmuan menerusi manuskrip Jawi.

## TULISAN JAWI SEBAGAI INDIKATOR KEILMUAN DI ALAM MELAYU

Tulisan merupakan simbol yang dipersembahkan secara coretan bagi mewakili sesuatu bahasa. Lazimnya, tulisan yang terhasil menjadi lambang atau simbol visual yang saling difahami sesama manusia merupakan satu cara untuk meluahkan ekspresi perasaan dan menyampaikan buah fikiran dalam bentuk coretan. Secara literalnya, tulisan Jawi merupakan satu bentuk ortografi yang terawal di alam Melayu di mana huruf-huruf Arab diasimilasikan dengan bahasa Melayu (Naquiah Nahar *et al.*, 2018).

Kedatangan Islam telah membawa pembaharuan kepada peradaban Melayu dalam seluruh aspek kehidupan. Islam merupakan sumber revolusi dalam mencorak perkembangan masyarakat sehingga menjadikan masyarakat Melayu lebih kreatif dan inovatif berdasarkan kepada pemikiran dan kekuatan rohaniah. Era 1400M-1700M memperkuatkan lagi Islam dengan kelahiran tulisan Jawi dan berkembangnya sistem pendidikan Islam.

Menurut Idris Zakaria (2012), Islam memainkan peranan penting dalam membina pola budaya dan pemikiran masyarakat Melayu. Kedatangan Islam ke alam Melayu telah membawa perubahan yang besar dalam falsafah hidup, pola pemikiran dan jiwa orang-orang Melayu di alam Melayu (Mohd Shukri, 2016). Aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan berteraskan ajaran Islam telah membina masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik. Selain itu, aspek persekitaran berdasarkan pandangan *world view* turut mempengaruhi kehidupan dan pemikiran masyarakat. Secara tidak langsung, Islam yang berkembang di alam Melayu telah menyumbang kepada ketinggian ilmu serta membentuk sifat, tingkah laku, identiti dan pemikiran yang maju selari dengan tuntutan Islam.

Kajian Syed Naquib al-Attas (1972) dan Wan Mohd Nor (2005), menjelaskan dan mengakui sifat kreatif masyarakat Melayu dalam mencipta huruf-huruf baharu daripada huruf-huruf Arab. Perkembangan ini membawa kepada satu manifestasi keilmuan melalui proses Islamisasi dengan terhasilnya kitab-kitab Jawi dalam pelbagai bidang yang dikenali sebagai manuskrip. Bahkan, manuskrip Jawi diakui sebagai warisan ilmu Islam dan persuratan Melayu yang masih relevan sehingga kini. Hal ini dibuktikan melalui sepuak surat Sultan Ternate yang bertarikh 1552M ditulis dalam tulisan Jawi walaupun surat tersebut diberikan kepada raja Portugal. Hashim (2005), turut menjelaskan bahawa surat ini membuktikan pengaruh Islam yang mendalam apabila bermula dengan ucapan الحمد لله رب العالمين (Al-Hamdu-l-Lahi Rabbil - 'alamin) (Ya 'Aziz Ya Ghaffar) dan berakhir dengan وسلام بالخير (Wassalam bil-khair).

Pembuktian ini dikukuhkan lagi menerusi karya Abdullah 'Arif (kitab *Bahr al-Lahut*) dan karya al-Sanusi (Kitab *Umm al-Barahin*) yang telah diajar di Melaka (Mahayudin H. Y., 1994). Karya Abu Ishak al-Sirazi (kitab *Durr al-Manzum*) pula telah disebut dalam sejarah Melayu sebagai kitab yang digunakan di Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1456M-1477M). Hal ini jelas menunjukkan bahawa tradisi pengajian dan persuratan ilmu Islam menjadi indikator yang kukuh di alam Melayu menerusi persuratan dalam tulisan Jawi, terus-menerus digunakan sehingga hari ini khususnya *Kitab Kuning* yang memenuhi pengajian pondok di Asia Tenggara (Hashim, 2005).

Penguasaan yang benar terhadap ilmu pengetahuan akan mempamerkan jati diri sebagai masyarakat yang bertamadun. Tambahan pula, karya ilmuwan bertulisan Jawi diaplikasikan dalam sistem pendidikan, kesenian dan kebudayaan Melayu. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah buku-buku dalam tulisan Jawi masih relevan sebagai bahan pengajaran dan bacaan formal dalam institusi pondok dan masjid (Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah, 2015). Hal ini jelas menunjukkan bahawa sumbangan tulisan Jawi tersemai dalam peradaban tamadun Melayu dan kelangsungannya sebagai wadah penyampaian ilmu perlu diakui dan dicontohi.

### TULISAN JAWI WADAH INTELEKTUAL DAN BUKTI KEARIFAN TEMPATAN

Kearifan tempatan merupakan satu bentuk cambahan pemikiran yang merujuk kepada amalan dan pengalaman yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Perkataan “arif” memberi maksud pemikiran yang mendalam dan melambangkan kebijaksanaan serta kebolehan seseorang (Rahimin Affandi Abd Rahim *et al.*, 2013) Oleh hal yang demikian, konsep kearifan tempatan masyarakat Melayu dilihat berbeza dengan pandangan Barat.

Penciptaan tulisan Jawi merupakan bukti kearifan tempatan Melayu. Kitab-kitab Jawi ditulis dalam tulisan Jawi oleh para ulama Melayu. Selain itu, terdapat pandangan sarjana yang beranggapan bahawa tulisan Jawi dicipta oleh pendakwah dari Arab berdasarkan penemuan huruf Arab. Kemudian, para ulama telah memupuk dan memperkasakan tulisan Jawi seiring dengan perkembangan Islam dan sistem pendidikan Islam menerusi kitab Jawi sekitar tahun 1400M-1700M.

Di samping itu, para guru bagi ulama alam Melayu terdiri daripada ulama Haramayn seperti Syeikh Ahmad al-Qusyasyi (1583M-1661M), Syeikh Ibrahim al-Kurani (1615M-1690M) dan Syeikh Abdullah bin Syeikh al-'Aydrus (w.1609M). Jika diteliti, keakraban hubungan antara pelajar alam Melayu dengan para guru Haramayn telah mewujudkan proses transmisi dalam pelbagai disiplin ilmu di alam Melayu (Rahimin Affandi Abd. Rahim *et al.*, 2019). Secara tidak langsung, ramai ilmuwan Islam yang unggul dilahirkan yang memberi sumbangan terhadap pembangunan intelektual.

Pengukuhan dan pembudayaan ilmu di alam Melayu ditelusuri melalui fakta sejarah melalui kewujudan institusi pengajian Islam seperti Pasai, Melaka dan Aceh. Kemudian, kelangsungan ilmu dikembangkan menerusi institusi pengajian Islam yang lain seperti Pattani, Kelantan, Kedah dan Terengganu. Namun begitu, campur tangan kuasa Barat sedikit sebanyak memberi rintangan dan cabaran dalam menyuburkan budaya ilmu di alam Melayu menerusi kitab Jawi (Abdul Rahman, 1997).

Penggunaan tulisan Jawi dalam dunia keilmuan di alam Melayu telah memperkuatkannya bahasa Melayu dalam bentuk tulisan Jawi. Selain itu, tulisan Jawi dijadikan wadah dalam menyampaikan dan menyebarkan ilmu Islam. Tambahan pula, bahasa Melayu merupakan bahasa lingua franca yang diiktiraf di alam Melayu. Secara tidak langsung, bahasa Melayu dengan tulisan Jawi telah meningkatkan kreativiti dan inovasi masyarakat Melayu (Mohd Puaad Abdul Malik *et al.*, 2018).

Kajian yang dilakukan Ahmad Farid Abd Jalal *et al.* (2018), menjelaskan bahawa penghasilan kitab Jawi secara besar-besaran dalam masyarakat Melayu telah melahirkan ilmuwan yang kreatif dan unggul. Sehubungan dengan itu, manuskrip Jawi tidak mempunyai unsur plagiarisme apabila pengarangnya menyatakan sumber rujukan dan hasil terjemahan kitab muktabar yang khusus serta disesuaikan dengan realiti tempatan alam Melayu. Hasilnya, manuskrip Jawi menjadi bukti kearifan tempatan dalam pelbagai bidang. Bahkan, manuskrip Jawi menjadi inti pati dalam mencorak jati diri dan wadah penyebaran ilmu versi alam Melayu.

Jika diteliti, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kearifan tempatan dan khazanah yang terakam dalam manuskrip seharusnya dijadikan motivasi kepada generasi hari ini dalam meneruskan kelangsungan dan kegemilangan tulisan Jawi. Oleh itu, warisan kearifan tempatan perlu diperkembangkan, dipertingkatkan dan diubah suai selari dengan Revolusi Industri 4.0. Tambahan pula, tulisan Jawi dilihat mempunyai keunikan yang tersendiri dalam mewarnai kesenian dan kebudayaan Melayu di persada dunia.

## TULISAN JAWI WARISAN PERADABAN BANGSA MELAYU

Zaman awal kolonial Inggeris memperlihatkan tulisan Jawi masih digunakan secara meluas dalam urusan surat-menyurat dan penulisan. Bahkan, tulisan Jawi menjadi simbolik yang mewakili bahasa di seluruh Kepulauan Melayu. Contohnya semasa pemerintahan Sultan Ahmad al-Muad'zam Shah (1882-1914) di Pahang telah mengutus surat kepada Kerajaan Inggeris menggunakan tulisan Jawi. Selain itu, J.P Rodger turut membalias surat kepada Sultan Ahmad menggunakan tulisan Jawi. Hal ini demikian kerana, tulisan Jawi merupakan tulisan utama masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, orang Eropah perlu menguasai dan mempelajari tulisan Jawi bagi membolehkan mereka berinteraksi serta memahami budaya masyarakat Melayu (Shakila Ahmad *et al.*, 2018).

Muhammad Fathi Yusof (2020) menegaskan bahawa tulisan Jawi lebih awal digunakan sebagai bahasa ilmu dan perkembangannya adalah seiring dengan perkembangan Islam. Penelitian terhadap sejarah negara juga membuktikan bahawa sebahagian besar perjanjian yang dibuat dengan pihak British dalam tulisan Jawi. Bahkan, dokumen pengisytiharan kemerdekaan ditulis dalam tulisan Jawi. Hal ini membuktikan bahawa tulisan Jawi bukanlah sebagai tulisan sejarah semata-mata tetapi warisan peradaban yang berkait rapat dengan identiti dan jati diri negara.

Tulisan Jawi sering kali menjadi perbahasan dan perdebatan oleh tokoh-tokoh ilmuwan dan individu di mana mereka memperlihatkan tulisan Jawi sebagai warisan peradaban unggul dan khazanah negara yang wajar dipelihara. Kang Kyoung Seok, Hashim bin Musa dan Muhammad Bukhari bin Lubis adalah antara tokoh yang berusaha untuk memperkasakan serta membangunkan semula era kegemilangan tulisan Jawi. Profesor Diraja Ungku Aziz berpendapat bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya mengembalikan semula tradisi pembelajaran tulisan Jawi kerana usaha tersebut penting dalam memastikan tulisan Jawi tidak malap. Kenyataan ini turut disokong oleh Sultan Perak, Raja Dr Nazrin Shah telah bertitah supaya usaha-usaha perlulah dibuat agar kelangsungan tulisan Jawi terus dipelihara oleh bangsa Melayu sebagai khazanah berharga dan sentiasa diberi keutamaan agar tidak pupus, bersesuaian dengan slogan ‘Takkan Melayu Hilang di Dunia’ (Rasyidah Ibrahim *et al.*, 2019).

## KESIMPULAN

Setiap bangsa di dunia mempunyai nilai warisan yang perlu dijaga dan dipelihara dengan baik. Bangsa Melayu merupakan bangsa hebat dan bertuah kerana mempunyai tulisan Jawi sebagai khazanah yang bernalih dan menjadi lambang kegemilangan tamadun Melayu dalam bidang keilmuan suatu ketika dahulu. Oleh hal yang demikian, generasi kini perlu menyemai sifat kecintaan dan menghargai seni tulisan Jawi sebagai warisan bangsa Melayu. Bahkan, tulisan Jawi perlu diajar kembali dan diperkasakan bagi memartabatkan kembali tulisan Jawi sebagai seni warisan Melayu di persada anatarabangsa. Hal ini adalah kerana, tulisan Jawi memiliki roh dan identiti tersendiri yang harus diperkenalkan kepada generasi kini agar tidak mengakis jati diri bangsa Melayu.

Namun begitu, warisan peninggalan para agamawan dan cendekiawan terdahulu seharusnya dipelihara walaupun menghadapi pelbagai cabaran kerana mempunyai keunikan dan manfaat yang tersembunyi untuk dikaji. Kini, tiba masanya masyarakat Melayu mempamerkan lambang dan simbol identiti bahasa dan bangsa tersendiri. Hal ini demikian kerana, peranan yang dimainkan oleh tulisan Jawi suatu masa dahulu telah menjadikan masyarakat Melayu dikenali di persada dunia. Walau bagaimanapun, bukanlah satu perkara yang mudah untuk mengembalikan martabat tulisan Jawi yang semakin terpinggir dalam arus pembangunan. Kekaburuan generasi kini terhadap kedudukan tulisan Jawi sebagai warisan agung yang ditinggalkan turut menyumbang kepada kemerosotan tulisan Jawi. Justeru, masyarakat Melayu hari ini perlu mengatur strategi dalam mendepani cabaran khususnya kemerosotan tulisan Jawi kerana tulisan ini menjadi identiti masyarakat Melayu. Usaha ini perlu digandingkan bersama oleh pelbagai pihak yang ingin memperkasakan bahasa dan bangsa Melayu di mata dunia.

Justeru, tulisan Jawi perlu dilestarikan dalam membentulkan persepsi generasi kini yang beranggapan bahawa tulisan Jawi tidak relevan dan tidak bernalih. Bahkan, generasi kini perlu menguasai tulisan Jawi kerana khazanah warisan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan turun-temurun sebuah tamadun besar di rantau Asia Tenggara iaitu tamadun Melayu memiliki manfaat dalam pelbagai disiplin ilmu. Secara tidak langsung, nilai jati diri yang asli dan utuh dapat disemai kepada generasi negara bangsa Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, H. A. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Razak, S. (2010). Batu Bersurat Terengganu: Perspektif Matematik. *Jurnal Matematik*, 32(1), 1-15.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong, Hirman Mohamed Khamis & Norhafiza Alias. (2016). Penyeragaman sistem ejaan Jawi di negara ASEAN. *Jurnal Linguistik*, 20(2), 26-32.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Siti Maimunah Hj. Kahal, Muhamad Sayuti Mansor, Ab Halim Ismail, Huzaimeh Ismail, Muhamad Ikhlas Rosele & Ahnaf Wafi Alias. (2018). Kitab Jawi sebagai asas tamadun Melayu Islam. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1), 153-169.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2020). *Mengenali kuantitatif & kualitatif dalam penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Attas, S. M. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah. (2015). Falsafah pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century 6-7 September 2015* (hlm. 574-585). Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.
- Hashim, H. M. (2005). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 16, 86-115.
- Idris Zakaria. (2012). Islam dan falsafahnya dalam kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 92.
- Mahayudin, H. Y. (1994). *Naskhah Jawi: Sejarah dan teks* (Vol. 16). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin, H. Y. (2000). *Karya klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor, S. (2012). Tulisan Jawi sebagai penanda aras penguasaan tamadun Islam di Nusantara: Meneladani peranan tamadun Islam silam dalam mengukuhkan penggunaan tulisan Jawi. 1-9. Dilayari pada 27 Julai 2021, daripada <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/5625/1/jawi-pbmsk-mansor.pdf>
- Ming, D. C. (2016). Sejarah Awal Penulisan Manuskip Melayu. *Seminar Antarabangsa Manuskip Melayu*. Arkib Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Alwee, Y. (2005). Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 21, 23-38.

- Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan Surat. (2020). Pemupukan minat terhadap Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 103-109.
- Mohd Puaad bin Abdul Malik, Rahimin Affandi bin Abd. Rahim, Ahmad Farid Abd Jalal & Huzaimah Hj Ismail. (2018). Kitab Jawi dan pengilmuan masyarakat Melayu. *Jurnal Al-'Ulwan*, 3(1), 34-57.
- Mohd Shukri, H. (2016). Evolusi tasawur pemikiran Melayu: Kajian historiografi. *Jurnal Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (SERI ALAM)*, 13(1), 5-30.
- Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz. (2012). Undang-undang Pelabuhan Kedah dari perspektif sejarah dan budaya. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(1), 1-16.
- Muhammad Fathi, Y. (2020). Tulisan Jawi adalah identiti negara. Harian Metro. Dilayari pada 25 Julai 2021, daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/532116/tulisan-jawi-adalah-identiti-negara-metrotv>
- Naquiah Nahar, Jimaain Safar, Ahmad Kilani Mohamed, Aminudin Hehsan, Badlihisham Mohd. Nasir & Juhazren Junaidib. (2018). Perkembangan tulisan Jawi dalam konteks pendidikan di negeri Johor. *Jurnal Penyelidikan Pusat Islam Iskandar*, 1, 16-29.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Ruzman Md Nor, Nor Hayati Md Dahlal & Norafifah Abd Hamid. (2013). Islam dan kearifan tempatan di alam Melayu: Analisis kritikal. *Journal of Southeast Asian Studies (JATI)*, 18, 223-245.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Awang Azman bin Awang Pawi, Ahmad Farid Abd Jalal, Mohd Puaad bin Abdul Malik. (2019). Kitab Jawi sebagai karya kearifan tempatan Melayu: Analisis sejarah intelektual. *Jurnal Al-Banjari*, 18(1), 49-84.
- Rasyidah Ibrahim, Rahimah Embong, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Huda Afiqah Hashim. (2019). Pemerksaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 27-37.
- Sabitha, M. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari, Mikdar Rusdi & Muhammad Hisyam Abdul Rahim. (2018). Tinjauan terhadap cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Journal of Techno Social*, 10(1), 57-62.
- Sidik, F. (1995). Tulisan Jawi: Pelestarian dan pendaulatannya di alam Melayu. *Seminar Tulisan Jawi*, 4 September 1995.
- Siti Zahidah Kosran, Latifah Abdul Majid & Ahamad Asmadi Sakat. (2017). Peranan tulisan Jawi dalam penulisan hadith di Nusantara. *Jurnal al-Turath*, 2(2), 49-53.

- Wan Mohd Nor, W. D. (2005). Beberapa aspek pandangan alam orang Melayu dalam Manuskrip Melayu Tertua al-Aqa'id al-Nasafi. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (Afkar)*, 6(1), 1-14.
- Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri Melayu: Satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244-255.

**SITI NURUL IZZA BINTI HASHIM** ialah calon Ph.D di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor. Beliau juga merupakan pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah tamadun Islam dan Kajian Alam Melayu (Manuskrip).

**ROZIAH SIDIK @ MAT SIDEK** (Ph.D) ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor. Beliau juga merupakan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti UKM Bangi, Selangor. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Tamadun Islam dan Sejarah Falsafah serta Sains Islam.

**IZZIAH SURYANI MAT RESAD @ ARSHAD** (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Tamadun Islam dan Sejarah Tamadun di Malaysia.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

(Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning)